

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih saya kepada pihak pengurusan Parlimen kerana telah sudi menjemput saya ke Majlis Perhimpunan DwiBulanan ini dan menyampaikan amanat saya pada pagi ini.
2. Saya ingin juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada jawatankuasa penganjur iaitu dari Bahagian Pengurusan Dewan Negara dan Pejabat Penasihat Undang-undang kerana bertungkus lumus menganjurkan program istimewa pada hari ini.
3. Pada masa yang sama, majlis perhimpunan kali ini juga dimeriahkan dengan Sambutan Aidilfitri. Sesungguhnya majlis ini adalah satu majlis yang amat bermakna untuk kita semua sebagai warga Parlimen untuk bersama-sama

meraikan Sambutan Aidilfitri. Maka, agak sesuai kita ambil peluang ini untuk bersama-sama **mengeratkan silaturrahim** di antara kita.

4. Selain dari itu, tahniah dan syabas juga di atas penganjuran **10th ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) Caucus**, yang saya difahamkan berjalan dengan berjaya. Sekali lagi, syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat.

A GOVERNMENT OF LAWS AND NOT OF MEN

Saudara-saudari yang saya hormati sekalian,

5. Sekadar merenung kembali dimana dalam peralihan masa selama 6 dekad iaitu sejak tahun 1959 apabila Pilihanraya Umum Parlimen yang pertama bagi Persekutuan Malaya

diadakan, Parlimen Malaysia merupakan lambang yang unggul dan badan kerajaan yang penting dalam proses demokrasi di negara kita.

6. Ulang tahun ke-60 Parlimen tahun ini, menandakan komitmen kita kepada demokrasi berparlimen dan penghayatan kepada keunggulan institusi ini, boleh dilihat melalui Titah Ucapan ke Bawah Duli SPB Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Rahman Ibni Tuanku Muhammad di upacara pembukaan Parlimen pada 11 September 1959, dimana Baginda bertitah, **"the Constitution of the Federation of Malaya, our charter of rights and liberties, is now, finally and completely, in operation with establishment of the Parliament and Malaya had dedicated itself to the principles of Parliamentary democracy."**

7. Sepertimana yang telah saya sebutkan beberapa kali dahulu, negara kita dibentuk mengikut satu Perlembagaan yang bertulis, yang memperincikan negara ini sebagai sebuah negara demokratik dengan Sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berpelembagaan. Di antara nilai-nilai demokratik ataupun ciri pentadbiran negara berdemokratik yang nyata kepentingannya ialah **ciri pemisahan kuasa antara tiga badan kerajaan** dalam negara kita.

8. Dalam konteks ini, ciri Perlembagaan yang terkenal ini iaitu doktrin pemisahan kuasa bukanlah baru tetapi satu konsep yang telah melalui evolusi berabad-abad lamanya, Malahan pada tahun 350 Sebelum Masihi, ahli falsafah Yunani, **Aristotle** telah menegaskan bahawasanya setiap kerajaan, tidak kira bentuknya, secara asasnya akan melakukan tiga fungsi yang berbeza, yang dalam politik

moden sekarang dikenali sebagai eksekutif, perundangan atau legislatif dan kehakiman.

9. Pada masa yang sama, fahaman kepada aspek pemisahan kuasa antara **Eksekutif, Legislatif dan Kehakiman** adalah amat penting bagi memastikan salah urus tadbir tidak berlaku. Bebanan yang dipertanggungjawabkan kepada pemerintah ataupun kerajaan memerlukan kita mendasarkan pembudayaan nilai-nilai yang termaktub dalam doktrin pemisahan kuasa supaya **the rule of law** dan **supremacy of law** menjadi norma dalam pentadbiran kerajaan demi mengelakkan pemusatan kuasa dimana-mana satu badan kerajaan.
10. Inilah apa yang dimaksudkan oleh **James Adams**, Presiden Amerika yang ke 2, sebagai **a government of laws and not**

of men. Berasaskan kepada prinsip pemisahan kuasa sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan kita, ketiga-tiga cabang kerajaan - badan eksekutif, badan perundangan negara dan badan kehakiman - mestilah berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah.

11. Sejalan dengan hasrat ini, dalam sistem pemerintahan yang matang, institusi-institusi governance yang berlegitimasi sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan harus memiliki suara yang saksama dalam menentukan dasar dan halatuju kerajaan.
12. Jika mana-mana negara **gagal berpegang kepada prinsip asas berkerajaan ini**, anarki dalaman akan menjadi sesuatu yang nyata. Penumpuan kuasa kepada sesuatu

badan kerajaan adalah ancaman terbesar terhadap demokrasi berparlimen kita.

13. Saya ingin menegaskan disini, Sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan ini adalah **legasi peninggalan pemimpin-pemimpin terdahulu kita, hasil daripada perjuangan oleh para pejuang kemerdekaan kita atau our founding fathers.**

14. Demi mempertahankan legasi peninggalan ini dan dalam usaha kita untuk melaksanakan amanah rakyat, kita sebagai warga institusi demokrasi ini, hendaklah sentiasa **menjunjung kemuliaan serta kedaulatan Parlimen ataupun parliamentary sovereignty**, supaya keperluan dan aspirasi generasi masa depan tanahair ini adalah terjamin.

15. Dalam kesempatan menyambut ulang tahun ke-60 Parlimen tahun ini, kita juga harus menyadari pengorbanan luar biasa bagi mereka yang berada dalam institusi ini sebelum kita, pengorbanan yang memberi kita peluang untuk berada di sini pada hari ini. Kepada mereka kita terhutang budi buat selama-lamanya.

Saudara-saudari yang saya hormati sekalian,

16. Jika diamati kepada kejayaan yang telah kita capai melalui proses reform, saya cukup yakin untuk menyatakan disini, Parlimen berada di landasan yang terbaik. Saya sesungguhnya berharap inisiatif – inisiatif dibawah agenda reformasi Parlimen dapat diterjemahkan kearah meningkatkan reputasi Parlimen sebagai institusi yang

mempertahankan kepentingan rakyat dan menjunjung nilai-nilai demokrasi.

17. Saya pasti ini akan memperhebatkan lagi keyakinan rakyat terhadap sistem Demokrasi Berparlimen negara kita. Ini juga selaras dengan matlamat kita untuk **Merakyatkan Parlimen** untuk semua rakyat tanahair tercinta kita.
18. Yang perlu juga saya sampaikan, pembentukan dan pelaksanaan inisiatif – inisiatif reformasi Parlimen yang menyeluruh ini harus dipersepsikan sebagai meletakkan ataupun mengutamakan kepentingan rakyat supaya dalam jangkasama panjang **sistem pemerintahan kedaulatan rakyat dapat diperkukuhkan.**
19. Saya ingin menegaskan disini, agenda reform kita bukan bertujuan untuk membentuk **ketuanan Parlimen** tetapi untuk memastikan Parlimen memenuhi potensi atau cita-cita

yang dimaksudkan, sama sekali mengelakkan kepincangan-kepincangan kepada institusi Parlimen sebelum ini, yang mungkin telah mewujudkan perspesi yang kurang menyakinkan terhadap institusi yang merupakan tonggak utama demokrasi negara ini.

20. Oleh itu, niat baik pembaharuan ataupun agenda reformasi adalah amat jelas, iaitu untuk memperbaiki dan memantapkan Parlimen menjadi institusi demokratik yang dihormati demi memastikan reputasi negara dipersada antarabangsa adalah terjamin sebagai negara yang mendokong nilai-nilai demokrasi sejagat dengan acuan kita tersendiri.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA DALAMAN UNTUK MENYOKONG AGENDA REFORM PARLIMEN

Saudara-saudari yang saya hormati sekalian,

21. Meanwhile in this challenging process, the Parliament reform agenda depend heavily on human capital; the range of capabilities, skills and knowledge our people bring to work every day. A broad base of competent staff is an absolute necessity.

22. Sesungguhnya kejayaan kita melaksanakan inisiatif-inisiatif reform yang telah dirancangan, sudah pasti memerlukan sokongan serta komitmen tuan-tuan/puan-puan sekalian.

23. Saya percaya semua ini tidak datang dengan cara bergolek. Setiap perancangan tidak akan tercapai kiranya tidak disulami dengan semangat, komitmen dan disiplin yang tinggi dari kalangan kita. Berdasarkan pemerhatian, saya

mendapati bahawa komitmen pegawai-pegawai kita adalah cukup bagus dan mantap.

24. Ia adalah hasil penat-lelah semua warga Parlimen. Untuk itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir pada hari ini. **TERIMA KASIH SEMUA.**

25. Walau bagaimanapun kejayaan ini bukanlah boleh kita jadikan landasan untuk berbangga diri; sebaliknya ia merupakan satu cabaran dan pendorong bagi kita untuk terus membina satu kekuatan baru dalam melaksanakan tanggungjawab yang lebih baik dan cemerlang. While there have been many important achievements over the past decade, many constraints and challenges persist.

26. Untuk itu, dalam memartabatkan hala tuju dan memantapkan imej Parlimen, saya menyeru semua warga

institusi ini agar terus bekerja bersama-sama saya dan Speaker Dewan Rakyat dengan iltizam dan kecekalan yang tinggi.

- 27.** Biar sejauhmana cabaran dan rintangan yang mendatang namun jika kita masih mampu berdiri teguh dan kukuh bersama-sama, **saya pasti ini akan memperhebatkan lagi keyakinan rakyat terhadap sistem Demokrasi Berparlimen negara kita.**

SYAWAL - “MEMBUDAYAKAN PERPADUAN MERAIKAN KEPELBAGAIAN”

Saudara-saudari yang saya hormati sekalian,

28. Dalam bulan Syawal yang indah ini, saya mengajak seluruh warga Parlimen untuk bersyukur kerana hidup sebagai rakyat Malaysia di bumi yang aman makmur ini.
29. Saya difahamkan tema yang dipilih kali ini adalah '**Indahnya Beraya di Desa**'. Pasti perhimpunan kita pada pagi akan menjadi ingatan yang manis dan membawa memori nostalgia buat diri saya dan semua warga Parlimen.
30. Yang pasti, kita semua berhimpun sebagai satu keluarga besar dalam suasana aman dan gembira tanpa menghirau latar belakang agama masing-masing. Seperti kata pepatah "buang yang keruh, ambil yang jernih", itu yang harus menjadi pegangan setiap warga Parlimen dalam kita meraikan perayaan bersama tidak kira Hari Raya malah juga semua perayaan di Malaysia.

PENUTUP

Saudara-saudari yang saya hormati sekalian,

31. Memandangkan juadah di depan mata lama menunggu kita semua, sebelum mengundur diri, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada semua warga Parlimen yang telah menjayakan segala peranan, tanggungjawab, program mahupun aktiviti sepanjang 6 bulan pertama tahun 2019.

32. Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan **SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI, MAAF ZAHIR BATIN** daripada saya dan keluarga serta juga pegawai-pegawai saya untuk semua warga Parlimen. Sekian Terima kasih.

